

06 NOV 1998

LEAD Mahathir-Pengguna

BIJAK BERBELANJA KE ARAH PEMULIHAN EKONOMI NEGARA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tanggungjawab dan kesedaran pengguna berbelanja dengan membeli barangan tempatan dapat membantu menangani kegawatan ekonomi negara.

Katanya, sebagai pengguna, mereka harus mempunyai tanggungjawab dan memahami keadaan ekonomi agar sikap dan peranan mereka dapat membantu usaha kerajaan memulihkan ekonomi.

Ketika merasmikan Hari Pengguna Sedunia peringkat kebangsaan di Dewan Muktamar, Pusat Islam di sini hari ini, beliau juga menggesa pengguna supaya membeli barangan tempatan dan mengurangkan barangan dan khidmat luar negara kerana barangan keluaran tempatan mempunyai kualiti yang sama baik dengan barangan import.

Tema sambutan itu tahun ini ialah "Bijak Berbelanja Untuk Negara".

"Belanjalah wang untuk memulihkan ekonomi negara dengan membeli barangan tempatan. Tidak ada gunanya jika simpan duit dalam peti di rumah kerana ia tidak mempunyai nilai. Jika mahu menabung, simpan sahaja di bank-bank supaya wang itu boleh digunakan untuk keperluan lain," katanya.

Dr Mahathir juga berkata negara perlu mengurangkan pengimportan barangan keperluan seperti gula dan susu serta menggantikan barangan tersebut dengan keluaran tempatan.

Beliau juga berkata tindakan kerajaan mengembalikan kuasa menentukan nilai mata wang dan pasaran saham setakat ini telah menunjukkan bukti-bukti kejayaan dan banyak petunjuk ekonomi telah menjadi lebih baik.

"Kita yakin asas-asas untuk pemulihan ekonomi sudahpun ada dan kukuh. Yang diperlukan sekarang ialah penyertaan rakyat yang semuanya juga menjadi pengguna dalam usaha menjayakan strategi pemulihan yang telah kita cipta untuk negara tercinta ini," katanya.

Beliau meminta persatuan pengguna memainkan peranan yang amat menguntungkan pengguna sebagai penyebarkan maklumat dan pengetahuan tentang apa yang boleh dibuat oleh mereka untuk mengatasi kegawatan ekonomi.

"Hari ini ternampak tanda-tanda ekonomi akan pulih, namun kita sebagai pengguna tidak boleh lepas tangan atau relaks. Kita belum selamat, tersilap sedikit maka kita akan diserang dengan kegawatan yang mungkin lebih besar dan lebih sukar diatasi," katanya.

Dr Mahathir berkata usaha yang perlu diambil oleh para pengguna ialah memastikan kestabilan negara tidak terganggu, menentukan mereka (pengguna) tidak memburukkan lagi keadaan dan menentukan mereka mengambil bahagian dalam segala kegiatan yang boleh memulihkan keadaan ekonomi di negara kita.

"Jika kita semua faham tentang sebab-sebab kita menghadapi masalah, kita akan faham tanggungjawab kita, kita akan tunaikan tanggungjawab kita dan dengan itu, Insyaallah, ekonomi negara kita akan pulih semula," katanya.

Apabila ekonomi pulih maka para pengguna akan kembali bebas untuk menumpukan semula kepada peranan mereka mengawasi supaya bekalan khidmat dan barangan kepada pengguna menepati tuntutan yang dibuat mengenainya.

"Dengan itu mutu khidmat dan barangan di negara ini akan tetap menjadi lebih baik sepanjang masa," katanya.

Dr Mahathir juga meminta semua pihak di negara ini supaya bekerjasama dengan kerajaan bagi mengatasi kegawatan ekonomi sekarang.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob berkata, kerajaan telah mengambil

pelbagai tindakan bagi membendung kesan negatif kegawatan ekonomi dan rakyat harus bersyukur keadaan itu tidak menjadi begitu ketara.

" Setakat ini, sejumlah 223 barangan keperluan telah dimantau daripada segi harga, pengedaran serta mutu oleh Kementerian ," katanya.

Daripada jumlah itu, harga bagi 60 barangan keperluan itu didapati lebih murah, tambah beliau.

Menurut beliau, hanya segelintir sahaja peniaga yang melakukan penyelewengan semasa berniaga.

Megat Junid juga berkata kegawatan ekonomi harus dilihat seumpama satu rahmat kerana pengguna kini mengubah tabiat berbelanja dengan mengutamakan barangan tempatan.

-- BERNAMA

HAK PR